KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	20.05.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			



Hutan Ulu Muda simpan kisah misteri

Oleh NUR IZZAH IZZATI NADZI

KEDAH yang lebih dikenali sebagai Negeri Jelapang Padi memiliki permandangan yang amat menakjubkan dengan rimbah padinya yang menjadi tatapan mata yang terbentang luas, kehijauan tanamannya yang subur serta lengkapnya sumberia.

Dalam banyak-banyak tempat menarik di Kedah, Ulu Muda merupakan khazanah tersembunyi alam semula jadi yang menyimpan jutaan misteri, baik dari segi biodiversiti, geologi mahupun budaya yang terletak di timur laut negeri Kedah dan bersempadan dengan Thailand.

Keunikan dan kepelbagaian flora di Ulu Muda masih belum diterokai sepenuhnya.

Ulu Muda berusia jutaan tahun ini belum sekadar hutan hujan biasa. Ia adalah harta alam yang tiada galang ganti dan mesti dikekalkan untuk generasi yang akan datang.

Sesalan itu, Ruler Perwaris Negeri Kedah, Hutan Ulu Muda dikecualikan supaya pembaca dapat melihat flora pelbagai bentuk dan saiz, termasuk pokok Tualang yang merupakan spesies flora Ulu Muda yang paling dikenali.

Buku ini mendokumentasi pelbagai spesies fauna seperti mamalia termasuk tiga daripada lima spesies megafauna antaranya gajah Asia, tapir Malaya dan seladang serta reptilia, burung, serangga dan banyak lagi.

Hidupan liar seperti gajah Asia sering dapat dilihat di sini sedang leka mencari makanan di tebing sungai.

Kawasan seluas lebih 950,000 hektar, hutan purba tanah

INFO

- **Pengarang:** Hanis Maketab dan Nur Fazrina Mohd. Ani
- **Penyunting:** Siti Zuraidah Abdin, Elangkumaran Segria Siwan, Darshana Sivanandham dan Michelle Boon
- **Penerbit:** WWF-Malaysia
- **Tebal:** 96 muka surat

pernah ini kaya dengan kepelbagaian biologi yang menakjubkan. Habitat ini dikenalpasti melalui gambar-gambar kerja lapangan yang mendedahkan pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan liar di dalam buku ini.

Tidak dilupakan juga imej landskap tanah rata yang mengapit Sungai Muda, kawasan rizab gunung yang penting untuk kesihatan hidupan liar serta gua batu kapur yang mengagumkan.

> **Keunikan dan kepelbagaian flora di Ulu Muda masih belum diterokai sepenuhnya."**

Buku yang boleh didapati secara atas talian ini mengandungi keindahan, keunikan dan kepentingan Kompleks Hutan Ulu Muda selain menjadi habitat bagi pelbagai jenis flora dan fauna serta penanaman sebagai kawasan tadahan air utama bagi Kedah, Pulau Pinang dan Perlis serta komuniti tempatan yang bergantung kepadanya.

BUKU: Perwaris Negeri Kedah Hutan Ulu Muda dikecilkan untuk projek Pelaburan dalam Modal Asli Kita melalui Pemuliharaan Ulu Muda.

Dua dekad usaha pemuliharaan Ulu Muda

BUKU Hutan Ulu Muda dikecilkan WWF- Malaysia selepas terlibat dengan usaha pemuliharaan Ulu Muda sejak lebih dua dekad yang lalu.

Usaha ini di bawah program Konservasi Kawasan Terestrial Seremanjung Malaysia yang dibiayai untuk projek Pelaburan dalam Modal Asli Kita melalui Pemuliharaan Ulu Muda mendapat sokongan oleh CIMB Islamic Bank Berhad yang menyumbang dana dari Julai 2017 hingga Jun 2022.

Tunku Tunangguong Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah menyambut baik usaha WWF-Malaysia dalam menghasilkan buku yang menariknya menggambarkan keindahan dan kesegaran Ulu Muda serta mempesona mereka yang pernah mahupun yang belum mengenalinya hutan ini.



TAWAR: Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (tiga dari kiri) semasa majlis pelancaran buku tersebut baru-baru ini.

"Melalui visual yang memukau serta fakta yang menarik, saya yakin buku ini akan memberi inspirasi untuk kita lebih mengenali dan menyokong usaha pemuliharaan Ulu Muda agar ia terus menjadi khazanah kebanggaan negeri Kedah untuk rentas-berantaran," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, ujar Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Sophia Lim, walaupun banyak perubahan telah berlaku di dalam dan di sekeliling hutan Ulu Muda, ia tetap menjadi tanjung kesejahteraan wilayah utara Seremanjung Malaysia.

"Selama bertahun-tahun, WWF-Malaysia bekerjasama dengan pelbagai agensi negeri di Kedah. Hubungan kami dengan masyarakat setempat memudahkan pertalian erat.

"Dahulu mereka menjadi pengemudi bot dan pemandu arah namun kini mereka menjadi sahabat yang banyak berkongsi pengetahuan dan kemahiran tentang hutan belantara ini. Buku ini turut didedikasikan kepada mereka yang menganggap Ulu Muda sebagai tempat asal mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad, Ahmad Shahreman Mohd. Shariff berkata, kerjasama dengan WWF-Malaysia dapat sperjana impak positif dan mengubahkan komitmen ke arah pemuliharaan dan pembangunan ekonomi, terutamanya untuk khazanah alam semula jadi seperti Hutan Ulu Muda.

"Tindakan oleh komuniti peringkan adalah penting dalam usaha pemuliharaan lestari, bukan sahaja kerana impak sosial dan persekitarannya, tetapi juga daya transformasi dan tetapan kehidupan sewangan," katanya.